**KATA ARAH**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

1 Mereka sentiasa berada di _________ibu yang sedang menjalani rawatan di hospital.

A sisi
B tepi
C antara
D pinggir

2 Siva memacakkan Jalur Gemilang apabila dia berjaya mendaki hingga ke ___________ Gunung Ledang.

A atas
B cerun
C tebing
D puncak

3 Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang terletak di sebelah ___________ Semenanjung Malaysia.

A utara
B selatan
C timur
D barat

4 Ali duduk di __________ Safiee dengan Ah Meng semasa menonton wayang di pawagam.

A bawah
B antara
C dalam
D atas

5 Para pesilat dijemput masuk ke _________ gelanggang untuk memulakan pertandingan.

A tengah
B atas
C tepi
D luar

6 Razif dan rakan-rakannya telah berjaya mendaki ke _________ Gunung Tahan.

A sisi
B puncak
C tengah
D belakang

7 Budak-budak nakal itu bersembunyi di _________ rumah.

A sisi
B puncak
C bawah
D antara

8 Kakak Harun belajar di ___________ laut.

A seberang
B belakang
C atas
D luar

9 Sarimah bersembunyi di _________ pintu supaya tidak dapat dikesan oleh rakan-rakannya.

A hadapan
B belakang
C atas
D luar

10 Fatimah sentiasa berada di __________ datuknya semenjak dia jatuh sakit.

A samping
B belakang
C hadapan
D penjuru

11 Seekor burung bertenggek di ____________ dahan sebatang pokok.

A puncak
B pangkal
C dalam
D atas

12 Golongan yang tidak bertanggungjawab telah melonggokkan sampah sarap sesuka hati di __________ jalan besar itu.

A hadapan
B hujung
C atas
D tepi

13 Pak Samad berteduh di __________ pokok untuk berehat setelah penat bekerja di kebun sayurnya.

A hadapan
B bawah
C tengah
D sisi

14 Setelah sampai, mereka meletakkan basikal _________ pagar rumah itu kerana pintu pagar rumah itu berkunci.

A di luar
B di tengah
C di dalam
D di pinggir

15 Ayah melarang adik bermain bola di __________ jalan raya yang sibuk itu.

A tepi
B hujung
C sebelah
D tengah

16 Nenek sering menasihati kami agar tidak mandi di _________ lombong tinggal itu.

A jauh
B tepi
C dekat
D dalam

17 Para pekerja itu sedang memasang sebatang tiang telefon di _________ jalan raya.

A belakang
B tepi
C tengah
D dalam

18 Orang ramai mula berbaris di ___________ kaunter jualan tiket.

A hadapan
B belakang
C tepi
D depan

19 Nalini mendodoikan adiknya yang sedang merengek di _________ buaian.

A dalam
B tengah
C atas
D bawah

20 Di __________ longkang itulah Karim menemukan sebuah dompet.

A tepi
B puncak
C bucu
D bawah

21 Seekor kucing ada di ___________ bumbung rumahnya.

A puncak
B luar
C atas
D dalam

22 Susan merendam pakaian yang kotor itu di __________ baldi.

A atas
B tepi
C luar
D dalam

23 Kanak-kanak itu duduk di ________ riba ibunya.

A bawah
B atas
C tepi
D dalam

24 Pokok rambutan di __________ rumahnya itu berbuah lebat.

A pangkal
B penjuru
C tengah
D tepi

25 Arus yang deras menjadi perlahan apabila aliran air tiba di _________ sungai.

A hilir
B tebing
C hulu
D puncak

26 Di ___________ rumah Hassan ada sebuah taman permainan kanak-kanak.

A sudut
B sebelah
C antara
D dalam

27 Buku yang kamu maksudkan itu terletak di___________ meja.

A samping
B penjuru
C dasar
D luar

28 Emak melarang Azim bermain kejar-kejar di___________ rumah.

A atas
B bawah
C dalam
D atas

29 Pokok paku pakis untuk hiasan itu diperoleh dari _________ hutan.

A hujung
B pinggir
C sebelah
D hulu

30 Di dalam kelas, Mazlan duduk di __________ Bong Kiat dengan Muthusamy.

A atas
B bawah
C antara
D hujung

31 Cikgu Azlan menyuruh Ah Chong mengutip sampah di____________lantai.

A atas
B bawah
C luar
D dalam

32 Pak Lah mengusahakan sebidang kebun sayur yang luas di _________ rumahnya.

A belakang
B bawah
C luar
D tengah

*Soalan 33 berdasarkan gambar di bawah.*



33 Suresh terlanggar batu lalu basikalnya terbabas ke ___________ longkang.

A pinggir
B hujung
C bawah
D dalam

34 Telefon awam yang dibina di ___________ kedai itu telah dirosakkan oleh budak-budak nakal.

A sudut
B sebelah
C antara
D dalam

35 Suhaimi menyewa rumah di ___________ bandar kerana sewanya lebih murah.

A tengah
B dalam
C tepi
D pinggir

36 Rumah Salina terletak di ___________ masjid dengan kedai.

A antara
B tengah
C sebelah
D tepi

37 Matahari terbit di sebelah ___________ dan terbenam di sebelah ___________.

A timur … utara
B timur … barat
C barat … timur
D barat … timur

38 Emak meletakkan kuih-muih itu di ___________tudung saji.

A atas
B dalam
C luar
D bawah

39 Rak buku itu diletakkan di ___________ kelas.

A sebelah
B penjuru
C bawah
D sisi

*Soalan 40 berdasarkan gambar di bawah.*



40 Beberapa ekor burung tiung sedang hinggap di ___________ kepala seekor lembu.

A tepi
B hujung
C atas
D puncak

41 Gerai makanan di ___________ jalan itu telah dirobohkan oleh pihak berkuasa.

A pinggir
B hujung
C atas
D tengah

42 Penyelam itu dapat melihat keindahan batu karang di ___________ laut.

A tengah
B dalam
C bawah
D dasar

43 Kawasan stesen pemancar televisyen di ___________ bukit itu merupakan kawasan larangan.

A bawah
B puncak
C atas
D tebing

*Soalan 44 berdasarkan gambar di bawah.*



44 Terdapat sebuah perkampungan yang dibina di ___________ gunung itu.

A tepi
B atas
C kaki
D bawah

45 Pak Cik Sulaiman membina sebuah dangau di ___________ sawah.

A hadapan
B belakang
C tepi
D tengah

46 Siew Chin mengutip buah mangga lalu dimasukkan ke ___________ raga.

A atas
B dalam
C luar
D bawah

47 Kedai menjual peralatan permainan kanak-kanak terletak di tingkat ___________ Wisma Harapan.

A bawah
B dalam
C dasar
D tengah

48 Puan Noraini melarang anaknya bermain di ___________ panas.

A dalam
B bawah
C tengah
D tepi

49 Penjual itu menjunjung sebuah bakul di ___________ kepalanya.

A puncak
B atas
C tepi
D bawah

50 Selepas bertelur, penyu betina akan mengambus telurnya di ___________ pasir.

A tengah
B dasar
C bawah
D dalam